

BERITA PEJABAT AUDIT DALAM

BIL. 3/2023

Muhammad Fahmi Harun

Lawatan Ke Cawangan Audit Dalam, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)



PUTRAJAYA: Pada 9 Mei 2023 (Selasa), Pejabat Audit Dalam UTeM telah mengadakan lawatan ke Cawangan Audit Dalam KKM di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya yang disambut baik oleh Puan Noor Rita binti Kassim, Ketua Cawangan Audit Dalam KKM.

Tujuan lawatan kerja ini diadakan adalah bagi bertukar pandangan dan berkongsi pengalaman dua hala berkaitan dengan aktiviti pengauditan dari peringkat perancangan sehingga pelaporan serta pengurusan pentadbiran organisasi.



Pejabat Audit Dalam UTeM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Cawangan Audit Dalam KKM di atas kesudian menerima lawatan dan semoga segala ilmu yang dikongsikan dapat memberi manfaat dan membantu Pejabat Audit Dalam UTeM memurnikan lagi aktiviti-aktiviti pengauditan.